

Headline	Semua empangan milik TNB dalam keadaan baik		
MediaTitle	Kosmo		
Date	07 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Negara	Page No	3
ArticleSize	189 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,929		



Semua empangan milik TNB dalam keadaan baik

KUALA LUMPUR - Semua sembilan buah empangan milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di seluruh negara berada dalam keadaan baik.

TNB dalam satu kenyataan memberitahu, tiada limpahan air berlaku di empangan berkenaan setakat jam 12 tengah hari semalam.

Katanya, kesemua empangan itu masing masing sebuah di Kelantan dan Terengganu, empat buah empangan di Sungai Perak, Perak dan tiga lagi di Cameron Highlands, Pahang.

Kenyataan itu menambah, setakat semalam hanya sebilangan kecil pengguna di Segamat dan Mersing masih mengalami

gangguan bekalan elektrik. "Beberapa kawasan yang terjejas dengan banjir di Pahang dan Terengganu masih mengalami gangguan bekalan akibat penutupan operasi pencawang elektrik (PE)," kata kenyataan itu.


Kenyataan itu menambah, sebanyak 150 PE di Pahang masih belum ber-

operasi akibat banjir.

Ia melibatkan sebanyak 120 PE di Kuantan, Pekan (3), Maran (8) dan Jerantut 19.

Ia menjejaskan bekalan elektrik kepada 8,949 pengguna.

Di Terengganu pula, sebanyak 232 PE telah ditutup dan menjejaskan 10,407 pengguna.



MENTERI Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob turut membantu mengagihkan makanan kepada mangsa banjir di Sungai Isap, Kuantan semalam.